



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN PAMPASAN DAN  
FAEDAH**

**KOD KURSUS : DSM3203**

**PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2020**

**MASA : 6 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (100 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Pelajar dibenarkan merujuk kepada sumber seperti nota kuliah, buku, internet atau mana-mana sumber yang berkaitan.
4. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
5. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
6. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
7. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 6 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

---

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

**SOALAN 1**

Encik Farid merupakan seorang Pengurus Pemasaran di Syarikat Lamp Decorations Sdn. Bhd. Beliau telah ditawarkan bayaran gaji yang tinggi kerana mempunyai Ijazah Sarjana Muda Pemasaran, pengalaman kerja hampir 10 tahun, dan mempunyai kemahiran *interpersonal skills* dengan pelanggannya. Menurut majikannya, bayaran gaji yang ditawarkan oleh pekerjaanya adalah mengikut sistem bayaran gaji yang adil iaitu berdasarkan ekuiti dalaman pentadbiran pampasan.

- a. Berdasarkan situasi di atas, bagaimanakah majikan mengkategorikan pekerjaan tersebut mengikut bidang kerja Encik Farid?

(10 markah)

- b. Encik Farid memilih untuk bekerja secara fleksibel kerana beliau tidak mempunyai kesempatan untuk meluangkan masa bersama keluarga. Bincangkan pampasan kewangan tidak langsung yang boleh dicadangkan untuk Encik Farid.

(10 markah)

**SOALAN 2**

Penularan Pandemik Covid-19 yang berlarutan ini telah menjadi perhatian kepada kerajaan untuk membantu pekerja dalam menjalani kehidupan harian mereka tanpa pekerjaan yang tetap. Kerajaan memperkenalkan program Insentif Pengambilan Pekerja bagi menggalakkan pengambilan pekerja oleh majikan. Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, program berkenaan membabitkan peruntukan RM1.5 bilion yang akan memberi manfaat kepada 300,000 penganggur dan belia. Beliau berkata, syarikat akan diberikan insentif kewangan untuk memberikan pekerjaan kepada golongan penganggur dan belia. "Dua insentif diperkenalkan melalui program ini iaitu pertama menggaji penganggur di bawah umur 40 tahun sebanyak RM800 sebulan bagi setiap pekerja. "Kedua insentif menggaji penganggur berumur 40 tahun ke atas dan orang kurang upaya (OKU) berjumlah RM1,000 sebulan," katanya pada Perutusan Khas Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Pendek yang disiarkan secara langsung di beberapa saluran televisyen hari ini. Beliau berkata, insentif itu akan diberikan selama enam bulan.

(Petikan : My Metro, 5 Jun 2020)

a. Berdasarkan petikan akhbar di atas, jelaskan skim bantuan insentif kerajaan yang telah diberikan kepada rakyat Malaysia ketika Pandemik Covid-19.

(10 markah)

b. Pada pandangan anda, mengapakah pelan insentif sangat penting untuk dipraktikkan dalam organisasi?

(10 markah)

**SOALAN 3**

- a. Firdaus merupakan seorang pekerja di sebuah Syarikat Food Frozen Sdn. Bhd. mendapati bahawa syarikatnya tidak mencarumkan potongan gaji pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Firdaus bertindak dengan melaporkan hal yang berkenaan kepada pihak KWSP untuk tindakan selanjutnya. Pada pengetahuan anda, mengapakah Firdaus mementingkan caruman KWSP tersebut?

(10 markah)

- b. Majikan di tempat Raihan bekerja hanya menyediakan gaji asas kepada pekerja tanpa menyediakan faedah berkanun kepada pekerjanya. Raihan telah bertindak melaporkan hal yang berkenaan kepada Jabatan Tenaga Kerja. Oleh hal yang demikian, Jabatan Tenaga Kerja mendapati bahawa majikan beliau bersalah kerana tidak menyediakan faedah berkanun untuk pekerjanya. Majikan beliau telah dikenakan denda kerana telah melanggar peraturan yang telah termaktub dalam Akta Kerja 1955. Berdasarkan situasi di atas, apakah faedah yang sepatutnya perlu disediakan untuk Raihan?

(10 markah)

## SOALAN 4

Amiza seorang pekerja di Syarikat Zaituna Sdn. Bhd. telah diberikan elaun sara diri sebanyak RM300 pada bulan November 2020.

a. Kirakan gaji kasar dan gaji bersih Amiza berdasarkan maklumat berikut:

1. Gaji asas = RM1800.00
  2. Kedatangan = RM100
  3. Insentif = RM400
  4. KWSP
    - 11% = Pekerja
    - 13 % = Majikan
  5. Sistem Insurans Pekerja (SIP) = 0.2%  
(<https://www.perkeso.gov.my/149-sip/601-kadar-caruman-sip>)
  6. PERKESO = Kadar caruman pelajar boleh rujuk di website  
(<https://www.perkeso.gov.my/kadar-caruman.html>)
- \*Kadar caruman SIP dan PERKESO pelajar boleh rujuk di website.**

(10 markah)

b. Pegawai Sumber Manusia di Syarikat Zaituna Sdn. Bhd. telah memotong gaji pekerja di sebabkan oleh kecuaiannya yang membawa *forklift* dan melanggar kontena yang berhampiran dengan ruang pejabat pengurusan. Apakah pendapat anda, jika majikan membuat penolakan gaji pekerja sebagai hukuman kesalahan disiplin dibawah Seksyen 24 Akta Kerja 1955?

(10 markah)

**SOALAN 5**

Zaref merupakan seorang pekerja di Syarikat Electronic Shine Sdn. Bhd. telah mengalami hilang upaya kekal disebabkan oleh kemalangan di tempat kerja. Beliau mengalami keuzuran dan menyebabkan ketidakmampuan untuk mencapai satu pertiga daripada nafkah seperti orang yang normal. Namun begitu, Zaref telah mendapat bantuan di bawah skim perlindungan PERKESO untuk meringankan beban beliau untuk menyara kehidupan keluarga.

- a. Berdasarkan situasi di atas, apakah skim perlindungan PERKESO yang boleh diberikan kepada Zaref?

(6 markah)

- b. Bagaimakah skim keilangan memberi perlindungan kepada Zaref agar beliau tidak mengalami tekanan emosi ketika sakit?

(14 markah)

**[100 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**